

Nafi empangan selatan Thailand lepaskan air

Tiada empangan di selatan Thailand melepaskan air hingga menyebabkan pekan Rantau Panjang, Kelantan dan kawasan sekitarnya ditenggelami banjir pada musim tengkujuh seperti didakwa penduduk tempatan sebelum ini, kata Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri.

Bellau berkata, malah pihak berkuasa mengesahkan tiada empangan dibina di kawasan selatan negara itu yang melepaskan air dan perkara itu turut disahkan Royal Irrigation Department Thailand.

"Jurutera Thailand yang hadir pada mesyuarat berkaitan Sungai Golok setiap tahun bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menafikan kewujudan empangan di kawasan selatan negara itu.

"Malah, jika orang ramai melakukan carian di Internet sekali pun, memang tidak menjumpainya kerana ia tidak wujud," katanya kepada Harian Metro.

Hamim berkata, masalah sistem perparitan kurang sempurna dan keadaan muka bumi yang tidak telap air antara faktor utama mengapa Kelantan sering dilanda banjir setiap kali tibanya musim tengkujuh.

Katanya, sistem perparitan lama di negeri berkenaan tidak sesuai untuk menampung taburan hujan yang tinggi.